

Tel: +(6)07-5530000 Faks: +(6)07-5579376 <http://www.utm.my/vicechancellor>

RUJUKAN KAMI: UTM.J.01.03/19.11/1 Jld. 5 (3)

RUJUKAN TUAN:

17 Julai 2014

YBhg. Tan Sri Dr. Salleh bin Mohd Nor
Pro-Canselor
Pejabat Hal Ehwal Korporat
Aras 16, Menara Razak
UTM Jalan Semarak
54100 Kuala Lumpur.

Assalamualaikum YBhg. Tan Sri.

**JEMPUTAN SEBAGAI PENYAMPAI UCAPTAMA DAN PERASMI SEMPENA
*REGIONAL ANNUAL FUNDAMENTAL SCIENCE SYMPOSIUM 2014 (RAFSS
2014)***

Sukacita dimaklumkan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) melalui Institut Kajian Sains Fundamental Ibnu Sina akan menganjurkan *Regional Annual Fundamental Science Symposium 2014 (RAFSS 2014)* pada 8 – 11 September 2014. Sehubungan dengan itu, sukacita saya dengan hormatnya mempersilakan YBhg. Tan Sri untuk hadir bagi menyampaikan ucaptama bagi program simposium berkenaan pada **9 September 2014**, Selasa jam 9.00 pagi di PERSADA, Johor Bahru. YBhg Tan Sri juga dijemput untuk merasmikan simposium ini pada tarikh yang sama jam 8.30 malam.

2. Untuk makluman YBhg Tan Sri, objektif simposium ini adalah untuk menemukan penyelidik dan saintis dalam usaha untuk menyebarkan maklumat terkini tentang hasil-hasil penyelidikan sains fundamental, dan matematik yang terkini. Selain itu, persidangan ini diharap dapat memperkenalkan kajian-kajian terbaru dan memupuk minat serta motivasi terhadap penyelidikan sains fundamental. Tema RAFSS 2014 kali ini ialah "*Science: Creating a Better World*".

3. Bersama ini disertakan atur cara majlis untuk rujukan YBhg. Tan Sri. Kesudian YBhg. Tan Sri meluangkan masa bagi menghadiri majlis tersebut amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,



PROF. DATUK IR. DR. WAHID BIN OMAR
Naib Canselor.

No. Dokumen : 20140316 13



MAKAN MALAM PERASMIAN
REGIONAL ANNUAL FUNDAMENTAL SCIENCE SYMPOSIUM 2014 (RAFSS 2014)
PERSADA, Johor Bahru
9 September 2014 (Selasa)

Aturcara

- | | | |
|------------|---|---|
| 8.00 malam | : | Ketibaan Tetamu Jemputan |
| | : | Ketibaan Dif-Dif Kehormat |
| 8.30 malam | : | Ketibaan YBhg Tan Sri Dr. Salleh Mohd Nor, Pro-Canselor UTM |
| | : | Bacaan Doa |
| | : | Ucapan Aluan oleh Prof Dr Tahir Ahmad, Pengerusi RAFSS 2014 |
| | : | Ucapan Perasmian oleh YBhg Tan Sri Dr. Salleh Mohd Nor
Pro-Canselor UTM. |
| | : | Gimik Pelancaran |
| | : | Penyampaian Cenderamata |
| | : | Jamuan |
| | : | Bersurai |

Pakaian : Batik Lengan Panjang